

Bil. S 16

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

**PEMBERITAHUAN PERINTAH-PERINTAH YANG TELAH DILULUSKAN OLEH
MAJLIS MESYUARAT NEGARA DI BAWAH PERKARA 83(7)**

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh Perkara 83(8) dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, adalah dengan ini diberitahu untuk makluman orang ramai bahawa Majlis Mesyuarat Negara telah, menurut Perkara 83(7) dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, membuat ketetapan pada 11 Mac, 2007 bahawa tiap-tiap Perintah yang dibuat di bawah Perkara 83 dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam dan dinyatakan dalam Jadual di bawah ini masing-masing mulai dari tarikh Perintah-Perintah itu dibuat, diluluskan oleh Majlis-Mesyuarat Negara.

JADUAL

1. Perintah Bank Pembangunan Asia, 2006 (S 59/06 dan S 5/07).
2. Perintah Pusat Kajian Strategik dan Dasar, 2006 (S 64/06 dan S 7/07).
3. Perintah Penerbangan Awam, 2006 (S 63/06 dan S 6/07).
4. Perintah Pendidikan (Pindaan), 2006 (S 86/06).
5. Perintah Akta Perkhidmatan Bomba (Pindaan), 2006 (S 79/06).
6. Perintah Akta Mahkamah-Mahkamah Perantaraan (Pindaan), 2006 (S 80/06).
7. Perintah Insurans (Pindaan), 2006 (S 88/06 dan S 9/07).
8. Perintah Akta Kesalahan-Kesalahan Kecil (Pindaan), 2006 (S 89/06).
9. Perintah Tribunal Tuntutan Kecil, 2006 (S 81/06 dan S 8/07).
10. Perintah Perbekalan Tambahan (2005/2006) (Bil. 7) 2006 (S 70/06).
11. Perintah Akta Tabung Amanah Pekerja (Pindaan), 2007 (S 2/07).
12. Perintah Kanun Peraturan Jenayah (Pindaan), 2007 (S 4/07).

Bertarikh pada hari ini 22 haribulan Rabiulawal, Tahun Hijrah 1428 bersamaan dengan 10 haribulan April, 2007.

PEHIN ORANG KAYA PEKERMA JAYA
DATO PADUKA HAJI JUDIN BIN HAJI ASAR
Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara,
Negara Brunei Darussalam.